

→ HALAMAN KOTA

ISU PEKAN KAMPUNG KEPAYANG SUNGAI RAIA BAKAL LENYAP

[FOTO ABDULLAH YUSOF/BH]



Bangunan rumah kedai lama yang dibina pada 1885 di Pekan Kampung Kepayang Sungai Raia perlu perhatian pihak berkuasa tempatan.



Ada beberapa cadangan dan pandangan yang dikemukakan, termasuk untuk mengekalkan konsep tradisional (Pekan Kampung Kepayang) dalam bandar raya Ipoh. Ini mungkin perkara yang boleh difikirkan”

Zambry Abd Kadir,
Menteri Besar Perak

Perak guna acuan tradisional bangunkan pekan 132 tahun



Pekan Kampung Kepayang hampir lenyap ditelan pembangunan kawasan sekitar.

➔ PBT perinci perancangan kekal nilai warisan Pekan Kampung Kepayang sebagai produk pelancongan

Oleh **Shamsul Kamal Amarudin**
shaka@bh.com.my

➔ Ipoh

Kerajaan Perak tidak menolak kemungkinan, mengekalkan konsep tradisional dalam perancangan pembangunan Pekan Kampung Kepayang Sungai Raia, dekat sini.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir, berkata bagaimanapun perancangan pembangunan secara terperinci kawasan berkenaan yang berada dalam mukim Simpan Pulai itu, dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit.

“Saya tidak boleh beri komen mengenai kedudukan ini, mungkin PBT yang terbabit boleh memberikan maklumat lebih lanjut mengenainya.

“(Tetapi), ada beberapa cadangan

dan pandangan yang dikemukakan termasuk untuk mengekalkan konsep tradisional (Pekan Kampung Kepayang) dalam bandar raya Ipoh. Ini mungkin perkara yang boleh difikirkan,” katanya.

Beliau mengulas laporan *BH* mengenai harapan Koloni Karyawan Amanjaya (PORT) supaya perancangan pembangunan di Pekan Kampung Kepayang, yang sebahagian strukturnya sudah dirobuhkan dan seakan terbengkalai, dapat dikaji semula.

Kerja tertangguh cacatkan pemandangan

Pengurus Besar PORT, Zamari Muhyi, dilaporkan berkata, mereka difahamkan matlamat awal kerja baik pulih yang dijalankan di situ bertujuan untuk pelebaran jalan, namun kerja yang tertangguh beberapa tahun itu mencatatkan pemandangan, sekali gus menghapus-

kan nilai warisan pekan berusia 132 tahun itu.

Sebelum ini, *Halaman Kota* mendedahkan selepas Kampung Kuchai, di bandar raya ini yang dikatakan wujud sejak 200 tahun lalu bakal lenyap, nasib sama bakal menimpa Pekan Kampung Kepayang yang dibuka kira-kira 132 tahun lalu.

Bercakap pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat EXCO kerajaan negeri, Zambry berkata, pembangunan pekan berkenaan mengikut konsep tradisional mungkin boleh difikirkan kerana pihaknya berhasrat mewujudkan pembangunan mapan yang pesat dengan pelbagai tarikan pelancongan di situ.

Beliau berkata, kawasan sekitar Ipoh mempunyai banyak kawasan warisan yang boleh ‘diwujudkan’ semula termasuk beberapa gua yang sedang diusahakan untuk di-

jadikan taman geo.

Katanya, ia selaras dengan pengiktirafan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan meletakkan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) sebagai pihak berkuasa tempatan terbaik di negara ini tahun lalu, yang diumumkan Menteriannya, Tan Sri Noh Omar, di sini kelmarin, sekali gus menunjukkan Ipoh juga bandar raya terbaik.

“Tidak pernah dalam sejarah, kita dapat nombor satu sejak penilaian dibuat terhadap semua PBT bermula tahun 2008.

“Pada 2008, Ipoh hanya memperoleh markah 74 peratus dan tahun lalu melonjak kepada 97 peratus, iaitu markah hampir sempurna dan paling penting sekarang hendak mengekalkan kedudukan itu atau sekurang-kurangnya tiga atau lima PBT terbaik bagi penilaian tahun ini,” katanya.